



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984

DR.15/1984

**RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK
DAN PENERBITAN 1984**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELESENAN MESIN CETAK

3. Lesen untuk mengguna mesin cetak.
4. Mesin cetak yang digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang.

BAHAGIAN III

PERMIT UNTUK MENERBITKAN AKHBAR

5. Kesalahan untuk mencetak, mengimport, menerbit dsb. akhbar tanpa permit.
6. Pemberian permit.

BAHAGIAN IV

KAWALAN HASIL PENERBITAN TAK DIINGINI

7. Penerbitan Tak Diingini.
8. Kesalahan.
9. Penerbitan tak diingini boleh ditolak dari diimport.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

10. Deposit.
11. Dokumen bercetak hendaklah mengandungi nama pencetak dan penerbit.
12. Kesahan lesen dan permit.
13. Pembatalan, penggantungan dan pemindahan lesen atau permit.
14. Anggapan.
15. Anggapan pencetak dan penerbit.

Fasal

16. Waran geledah.
17. Kuasa untuk membuka bungkusan.
18. Kuasa mensita dan menahan.
19. Semua benda yang disita kena dilucuthak.
20. Tangkapan tanpa waran.
21. Perbadanan dan firma.
22. Liabiliti pengarah, dsb.
23. Penyampaian notis, dsb.
24. Halangan kepada prosiding undang-undang.
25. Pengecualian.
26. Kaedah-kaedah.
27. Pemansuhan.

JADUAL I.

JADUAL II.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“akhbar” ertinya apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi berita, penerangan, laporan kejadian atau apa-apa pendapat, pemerhatian atau ulasan, berhubungan dengan apa-apa berita, penerangan atau kejadian, atau dengan apa-apa perkara lain, yang menarik minat orang ramai, atau apa-apa majalah, komik atau bentuk majalah berkala lain yang dicetak dalam apa-apa bahasa untuk dijual atau diedarkan dengan percuma pada lat-lat tempoh yang kerap atau tak kerap, tetapi tidaklah termasuk apa-apa hasil penerbitan yang diterbitkan oleh atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura;

“dokumen” ertinya apa-apa kertas, kad atau lain-lain bahan atau benda yang padanya ada dicetak, ditaip, ditulis atau ditandakan, huruf, angka, tanda, majalah bergambar atau apa-apa gambaran lain yang boleh dilihat dan termasuklah akhbar, buku dan risalah;

“lesen” ertinya lesen yang diberi di bawah subseksyen (3) seksyen 3;

“orang” termasuklah pertubuhan perbadanan atau pertubuhan tak diperbadankan;

“pegawai berkuasa” ertinya mana-mana pegawai polis, seseorang pegawai Kastam, pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos dan mana-mana pegawai awam lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai pegawai berkuasa bagi maksud Akta ini;

“pegawai kanan berkuasa” ertinya—

- (a) mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa;
- (b) mana-mana pegawai Kastam berpangkat tidak rendah daripada Penguasa;
- (c) mana-mana pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos berpangkat tidak rendah daripada Pegawai Kanan Pos;
- (d) mana-mana pegawai awam lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai pegawai kanan berkuasa bagi maksud Akta ini;

“penerbitan” termasuklah—

- (a) dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala;
- (b) semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;
- (c) apa-apa jua yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea; dan
- (d) rakaman suara;

“hasil penerbitan larangan” ertinya apa-apa hasil penerbitan yang telah dilarang di bawah subseksyen (1) seksyen 7 dan termasuk apa-apa salinan, penghasilan semula, cabutan atau apa-apa terjemahan, ringkasan karangan atau parafrasanya;

“permit” ertinya permit yang diberi di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) seksyen 6;

“rakaman suara” ertinya apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau musik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser;

“tuan punya” ertinya tuan punya sahaja mana-mana akhbar dan juga orang-orang yang, sebagai pekongsi atau selainnya, mewakili dan bertanggungjawab atas apa-apa syer atau kepentingan dalam akhbar antara mereka sendiri dan orang-orang yang dengan cara serupa itu mewakili atau bertanggungjawab atas syer atau kepentingan lain di dalamnya dan bukanlah orang lain.

BAHAGIAN II

PELESENAN MESIN CETAK

3. (1) Tiada seorangpun boleh menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak melainkan jika dia telah diberi lesen di bawah subseksyen (3).

Lesen
untuk
mengguna
mesin cetak.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “mesin cetak” ertinya mesin, perkakas atau benda untuk mencetak, menyalin atau menghasil semula apa-apa dokumen yang diperihalkan dalam Jadual I.

(3) Menteri boleh menurut budi bicaranya memberi kepada mana-mana orang suatu lesen bagi menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak selama suatu tempoh sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu dan dia boleh menurut budi bicaranya menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen atau boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung lesen itu selama sesuatu tempoh yang difikirkannya mustahak.

(4) Mana-mana orang yang menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak tanpa lesen sah yang diberi di bawah subseksyen (3), atau melanggar dengan mana-mana syarat yang dikenakan di dalamnya, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya dan deposit yang disimpan di bawah seksyen 10 bolehlah dilucuthak.

(5) Mesin cetak yang disimpan untuk digunakan atau digunakan yang berkenaan dengannya tiada lesen telah diberi atau diperbaharui bolehlah diperintahkan supaya dilucuthak oleh mahkamah walau tiada seorangpun disabitkan atas sesuatu kesalahan dan jika tidak ada pendakwaan maka mesin cetak itu bolehlah dilupuskan mengikut seksyen 19.

(6) Bagi maksud seksyen ini pemunya, penduduk dan mana-mana orang yang mempunyai penjagaan atau pengurusan atau membantu dalam pengurusan mana-mana premis dalam mana mesin cetak itu terjumpa hendaklah disifatkan telah menyimpannya untuk digunakan sehingga dia membuktikan sebaliknya.

(7) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual I.

(8) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh meliputi perteraan apa-apa ukiran atau pencetakan apa-apa kad kunjungan atau kad niaga, kepala bil atau kepala surat, atau apa-apa jua surat, memorandum atau dokumen, yang ditaip, dicetak atau dihasil semula mengikut perjalanan biasa perniagaan, iaitu bukannya perniagaan percetakan atau penerbitan, atau bagi apa-apa jua tujuan atau maksud lain yang sah.

Mesin
cetak yang
digunakan
bagi
maksud
yang
menyalahi
undang-
undang.

4. (1) Mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebabkan atau membenarkan dicetak atau dihasilkan dengan mengguna mesin cetak atau mesinnya apa-apa hasil penerbitan atau dokumen—

- (a) yang lucah atau selainnya bertentangan dengan kesopanan awam; atau
- (b) yang mengandungi perkara mengganas terhadap orang-orang atau harta, menggalakkan pencabulan undang-undang atau terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau yang melakukan pecah keamanan atau yang mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketakharmonian atau pecah belah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Walaupun terdapat mana-mana undang-undang yang berlawanan, mana-mana mesin cetak atau mesin yang digunakan untuk mencetak apa-apa hasil penerbitan atau dokumen yang menjadi hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual II bolehlah diperintahkan supaya dilucuthak oleh mahkamah walaupun tiada seorangpun disabitkan atas sesuatu kesalahan.

BAHAGIAN III

PERMIT UNTUK MENERBITKAN AKHBAR

5. (1) Tiada seorangpun boleh mencetak, mengimport, menerbit, menjual, mengelilingi atau mengedar atau menawar untuk menerbitkan, menjual, mengelilingi atau mengedar apa-apa akhbar yang dicetak di Malaysia atau Singapura melainkan jika permit di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) seksyen 6 telah diberi oleh Menteri berkenaan dengan akhbar itu.

Kesalahan untuk mencetak, mengimport, menerbit dsb. akhbar tanpa permit.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) mencetak apa-apa akhbar yang berkenaan dengannya permit telah tidak diberi atau yang berkenaan dengannya permit telah dibatalkan atau digantung; atau
- (b) mengimport, menerbit, menjual, mengelilingi atau mengedar, atau menawar untuk menerbit, menjual, mengelilingi atau mengedar, atau ada dalam miliknya bagi apa-apa jua maksud seperti itu, apa-apa akhbar yang dicetak di Malaysia atau Singapura yang berkenaan dengannya tiada permit telah diberi atau yang berkenaan dengannya permit telah dibatalkan atau digantung,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

6. (1) Menteri boleh menurut budi bicaranya yang mutlak memberi—

Pemberian permit.

- (a) kepada mana-mana orang suatu permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar di Malaysia; atau

(b) kepada mana-mana tuan punya mana-mana akhbar di Singapura suatu permit membenarkan akhbar itu diimport, dijual, dikelilingi atau diedar di Malaysia.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung sesuatu permit selama sesuatu tempoh yang difikirkannya mustahak.

(3) Menteri boleh mengenakan sebagai satu syarat pemberian permit yang tuan punya akhbar di Singapura hendaklah menubuhkan dan menyenggara suatu tempat perniagaan di dalam Malaysia atau hendaklah melantik orang-orang di dalam Malaysia yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian apa-apa notis atau proses undang-undang bagi pihak tuan punya dan hendaklah memberi kepada Menteri senarai yang mengandungi nama dan alamat orang-orang itu dan menyebabkan disiarkannya mengikut apa-apa cara sebagaimana diarahkan oleh Menteri.

BAHAGIAN IV

KAWALAN HASIL PENERBITAN TAK DIINGINI

Hasil
penerbitan
tak diingini.

7. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyian, musik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa jua cara adalah memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menurut budi bicaranya yang mutlak melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang, sama ada secara mutlak atau dengan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil penerbitan itu.

(2) Berkenaan dengan hasil penerbitan yang bermula di mana-mana negara di luar Malaysia, suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh, jika perintah itu memperuntukkan sedemikian,—

- (a) melarang pengimportan mana-mana atau semua hasil penerbitan sama ada sebelum atau selepas tarikh perintah itu, dengan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan di dalamnya;
- (b) berkenaan dengan hasil penerbitan berkala, melarang pengimportan mana-mana keluaran masa lalu atau masa depan;
- (c) berkenaan dengan hasil penerbitan yang telah dikeluarkan atau nampaknya atau berupa sebagai telah dikeluarkan dari mana-mana gedung penerbitan, agensi penerbitan atau lain-lain sumber yang dinyatakan dalam perintah itu, melarang pengimportan apa-apa hasil penerbitan lain yang mungkin pada bila-bila masa sama ada sebelum atau selepas tarikh perintah itu telah dikeluarkan, atau nampaknya atau berupa telah dikeluarkan, dari gedung penerbitan, agensi penerbitan atau lain-lain sumber yang dinyatakan itu;
- (d) menghendaki penerbitnya supaya membuat apa-apa deposit sebanyak amaun dan mengikut apa-apa cara sebagaimana ditetapkan di dalamnya sebelum apa-apa hasil penerbitan itu boleh diimport.

(3) Jika Menteri berpuas hati bahawa penerbit mana-mana hasil penerbitan telah bertindak bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana kaedah atau perintah yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat lesen atau permit atau mana-mana undang-undang berhubung dengan asutan atau fitnah, maka setelah memberikan peluang kepada penerbit itu untuk menunjukkan sebab mengapa deposit yang dibuat di bawah perenggan (d) subseksyen (2) tidak patut dilucuthakkan, dia boleh memerintahkan supaya deposit itu atau sebahagian daripadanya dilucuthak.

(4) Sama ada atau tidak suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen (3) mahkamah boleh memerintahkan deposit itu atau apa-apa bakinya, jika ada,—

(a) dilucuthakkan jika penerbit tidak hadir di mahkamah untuk menjawab apa-apa pertuduhan jenayah atau tindakan sivil berhubungan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hasil penerbitan itu; atau

(b) dibayar sebagai penyelesaian apa-apa penghakiman yang didapati terhadap penerbit yang berbangkit daripada apa-apa prosiding yang berkaitan dengan hasil penerbitan itu.

(5) Jika deposit yang dibuat di bawah perenggan (d) subseksyen (2) diperintahkan supaya dilucuthak atau digunakan sebagai penyelesaian apa-apa ganti rugi di bawah subseksyen (3) atau (4), perintah larangan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi mutlak melainkan jika penerbit membuat deposit selanjutnya sebagaimana dikehendaki oleh Menteri.

(6) Seseorang penerbit tempatan atau asing adalah bertanggungjawab dan bertanggunggan atas apa-apa tindakan berkenaan dengan apa-apa bahan yang disiarkan dalam hasil penerbitannya.

Kesalahan.

8. (1) Mana-mana orang yang tanpa sebab yang munasabah didapati memiliki apa-apa hasil penerbitan larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam miliknya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Hasil penerbitan tak diinginkan boleh ditolak dari diimport.

9. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa jua dalam Akta ini, seseorang pegawai kanan berkuasa boleh menolak pengimportan ke dalam Malaysia atau menahan dari menyerahhantar atau mengembalikan kepada pengirimnya di luar Malaysia apa-apa hasil penerbitan yang dia

berpuas hati mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyian, musik, kenyataan atau apa-apa benda lain yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), seseorang pegawai kanan berkuasa boleh membenarkan pengimportan atau penyerahhantaran apa-apa hasil penerbitan setelah mana-mana bahagian dari hasil penerbitan yang difikirkannya tak diingini mengikut apa jua alasan seperti dinyatakan dalam subseksyen (1) itu telah dipadam, dipotong, dipadam atau dihapuskan hingga memuaskan hatinya.

(3) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan seorang pegawai kanan berkuasa di bawah subseksyen (1) boleh, dalam tempoh empat belas hari selepas keputusan itu diberi, merayu secara bertulis kepada Menteri dan keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

10. Seseorang yang diberi lesen atau permit di bawah Akta ini mungkin dikehendaki oleh Menteri, sebelum dikeluarkan lesen atau permit itu, supaya mendeposit dengan Kerajaan sekian amaun sebagaimana ditetapkan secara khas atau am melalui kaedah-kaedah dan amaun itu atau mana-mana bahagiannya bolehlah dilucuthak oleh mahkamah apabila berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat dibawahnya atau sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana syarat lesen itu.

Deposit.

11. (1) Tiap-tiap hasil penerbitan yang dicetak atau diterbitkan dalam Malaysia hendaklah dicetakkan nama dan alamat pencetak dan penerbitnya dengan mudah dibaca dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris pada lembaran pertama atau akhir.

Dokumen bercetak hendaklah mengandungi nama pencetak dan penerbit.

(2) Tiada seorangpun boleh menerbit, menghasilkan semula, menjual, mengelilingi atau mengedar, atau menawarkan untuk menerbit, menghasilkan semula, menjual, mengelilingi atau mengedar apa-apa hasil penerbitan yang tidak mempunyai nama dan alamat pencetak dan penerbit, atau berkenaan dengan rakaman suara, nama dan alamat pengeluar dicetak dengan jelasnya pada kulit atau bekas dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Berkenaan dengan hasil penerbitan yang diimport ke dalam Malaysia maka adalah menjadi pematuhan yang cukup akan seksyen ini kiranya nama pencetak, penerbit atau pengeluar dicetak dengan jelas pada mana-mana bahagian hasil penerbitan atau bekas itu.

Kesahan
lesen dan
permit.

12. (1) Lesen atau permit yang diberi di bawah Akta ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana diendorskan dalamnya dan hendaklah, melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan atau digantung, sah selama tempoh dua belas bulan dari tarikh diberi atau dikeluarkannya atau selama tempoh yang lebih singkat sebagaimana dinyatakan dalam lesen atau permit itu.

(2) Menteri mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak permohonan mendapatkan lesen atau permit atau menolak pembaharuannya.

Pembatalan,
penggantungan dan
pemindahan
lesen atau
permit.

13. (1) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, jika Menteri berpuas hati bahawa mana-mana mesin cetak yang berkenaan dengannya lesen itu telah dikeluarkan adalah digunakan untuk mencetak mana-mana hasil penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara atau bahawa mana-mana akhbar yang berkenaan dengannya permit telah dikeluarkan mengandungi apa-apa jua yang memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara, dia boleh membatalkan lesen atau permit itu tanpa memberi peluang kepada orang yang lesen atau

permit itu dikeluarkan kepadanya untuk menunjukkan sebab mengapa lesen atau permit itu tidak patut dibatalkan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada lesen atau permit boleh dengan apa jua cara dipindah, diserahkan atau selainnya diletakkan di bawah kawalan mana-mana orang lain daripada orang yang lesen atau permit itu pada mula-mulanya diberi melainkan jika Menteri membenarkan sedemikian dan mana-mana pemegang yang melanggar subseksyen ini boleh dikenakan batal atau gantung lesen atau permitnya.

(3) Jika sekiranya berlaku kematian, hilang keupayaan, kebangkrapan atau, dalam hal suatu syarikat, penyelesaian ke atas pemegang lesen atau permit itu, atau jika seorang penerima atau pengurus dilantik berhubungan dengan perniagaan pemegang lesen itu, atau jika kerana apa jua sebab Menteri berpuas hati bahawa taklah patut tidak melakukan sedemikian, Menteri boleh membenarkan dipindah lesen atau permit itu.

14. Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini mana-mana orang yang didapati ada dalam milik, jagaan atau kawalannya— Anggapan.

(a) apa-apa akhbar yang berlawanan dengan subseksyen (1) atau (2) seksyen 5; atau

(b) dua naskah atau lebih mana-mana keluaran, edisi atau cetakan tertentu mana-mana hasil penerbitan,

hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, berada dalam miliknya apa-apa akhbar atau hasil penerbitan bagi maksud penjualan, pengelilingan atau pengedaran,

15. Pencetak, penerbit atau pengeluar yang nama atau alamatnya dicetak pada mana-mana hasil penerbitan atau bekasnya hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah mencetak, menerbitkan atau menghasilkan penerbitan itu di tempat yang dinyatakan dalamnya. Anggapan
pencetak
dan
penerbit.

Waran
geledah.

16. (1) Seseorang Majistret boleh mengeluarkan waran geledah yang memberi kuasa kepada pegawai kanan berkuasa untuk memasuki dan menggeledah mana-mana premis di mana disyaki dengan munasabahnyanya terdapat—

- (a) mesin cetak yang disimpan atau digunakan dengan melanggar seksyen 3;
- (b) apa-apa akhbar yang dicetak atau diimport atau diterbitkan dengan melanggar seksyen 5; atau
- (c) apa-apa hasil penerbitan larangan.

(2) Bila-bila masa didapati oleh mana-mana pegawai kanan berkuasa bahawa adanya alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ada tersembunyi atau didedepitkan dalam mana-mana premis apa-apa hasil penerbitan larangan, dan bahawa oleh sebab kelambatan mendapatkan waran geledah yang menjadi tujuan geledah itu mungkin terkecewa, dia boleh memasuki dan menggeledah premis itu seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian mengikut suatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

Kuasa untuk
membuka
bungkusan.

17. Mana-mana pegawai berkuasa boleh menahan, membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan atau artikel yang disyakiya mengandungi apa-apa hasil penerbitan larangan atau apa-apa hasil penerbitan yang boleh dikenakan larangan di bawah subseksyen (1) seksyen 7.

Kuasa
menyita
dan
menahan.

18. Mana-mana pegawai yang bertindak menurut seksyen 16 atau 17 adalah diberi kuasa untuk menyita dan menahan—

- (a) mana-mana mesin cetak atau hasil penerbitan atau apa-apa makalah lain yang dia ada sebab mempercayai sebagai bukti berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya;
- (b) apa-apa hasil penerbitan yang dia syaki sebagai hasil penerbitan yang boleh dikenakan larangan di bawah subseksyen (1) seksyen 7 atau boleh dikenakan tolak pengimportan, menahan dari menyerahkan atau mengembalikan kepada pengirim di bawah subseksyen (1) seksyen 9.

19. (1) Semua hasil penerbitan dan lain-lain makalah, selain dari mesin cetak yang dilucuthak di bawah seksyen 3, yang disita dan ditahan di bawah seksyen 17 atau 18, sama ada atau tidak mana-mana orang diper-tuduhkan atau disabitkan, bolehlah dibuat sesuatu mengenainya mengikut apa-apa cara sebagaimana di-arahkan oleh mahkamah.

Semua
benda yang
disita kena
dilucuthak.

(2) Jika tidak ada pendakwaan berhubungan dengan mana-mana mesin cetak, hasil penerbitan atau lain-lain makalah yang disita di bawah Akta ini, maka mesin cetak, hasil penerbitan atau lain-lain makalah itu hendaklah dikira dan disifat dilucuthakkan apabila tamatnya tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian suatu notis bertulis tentang penyitaan itu melainkan jika suatu tuntutan mengenainya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang dinyatakan selepas ini.

(3) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya mesin cetak, hasil penerbitan atau lain-lain makalah itu dan bahawa ia tidak boleh dikena lucuthak bolehlah, dengan sendirinya atau melalui agennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberi notis bertulis kepada pegawai kanan berkuasa bahawa dia membuat tuntutan ke atas kesemuanya itu.

(4) Apabila diterima notis itu pegawai kanan ber-kuasa hendaklah merujuk tuntutan itu kepada Menteri yang boleh mengarahkan supaya mesin cetak, hasil penerbitan atau lain-lain makalah itu dilepaskan kepada pihak menuntut atau selainnya dilupuskan atau boleh mengarahkan pegawai kanan berkuasa supaya merujuk perkara itu kepada mahkamah untuk ke-putusannya.

20. Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau dengan munasabahnyanya disyaki melakukan atau telah melakukan atau cuba melakukan atau mendapatkan atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Tangkapan
tanpa
waran.

21. Bagi apa-apa jua maksud Akta ini, sesuatu per-badanan boleh bertindak melalui seorang pengarah atau setiausahanya, dan firma boleh bertindak melalui mana-mana pekongsinya.

Perbadanan
dan firma.

Liabiliti
pengarah,
dsb.

22. (1) Bila-bila masa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai-pegawai lain pertubuhan perbadanan itu hendaklah juga disifatkan melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinnannya dan tidak dikaitkan dengan apa-apa kecuaiian di pihaknya.

(2) Bila-bila masa mana-mana agen atau pengkhidmat semasa dia menjalankan kerjanya melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan yang melakukannya atau tidak melakukan perbuatan itu oleh prinsipal atau majikannya tetap menjadi suatu kesalahan, maka agen atau pengkhidmat adalah melakukan kesalahan itu.

(3) Mana-mana orang yang tetap bersalah melakukan suatu kesalahan kiranya apa-apa jua telah dilakukan atau tidak dilakukan olehnya sendiri adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang itu juga jika perkara itu telah dilakukan atau tidak dilakukan oleh pekongsi, agen atau pengkhidmatnya semasa dia sedang menjalankan perniagaan perkongsian atau semasa dia sedang menjalankan kerjanya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati mahkamah bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinnannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah awasan yang munasabah untuk mencegah berlakunya atau tidak melakukan perkara itu.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dikira tambahan kepada dan bukannya mengurangkan dari mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini.

Penyam-
paian notis,
dsb.

23. Mana-mana notis, dokumen atau lain-lain surat-menyerut hendaklah disifat disampaikan dengan secukupnya kepada pemegang suatu lesen, permit atau perakuan jika notis, dokumen atau surat-menyerut itu—

- (a) disampaikan sendiri kepada orang yang menjaga premis di mana mesin cetak itu ditempatkan, di mana hasil penerbitan itu disiarkan, atau kepada agen yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 6;

(b) dihantar melalui pos berdaftar kepada alamat pemegang seperti yang diberi dalam lesen atau permit atau alamat agen yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 6; atau

(c) disiarkan dalam *Warta*.

24. Tiada apa-apa jua prosiding undang-undang boleh diambil atau dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah kerana atau disebabkan apa-apa kerugian, atau kerosakan kepada, apa-apa jua yang disita, ditahan, dirampas atau dimusnahkan di bawah Akta ini atau kerana atau disebabkan apa-apa kerosakan yang ditanggung akibat penyitaan, penahanan, perampasan, pemusnahan atau perkembangan apa-apa jua di bawah Akta ini atau apa-apa kelengahan untuk menyerahkan atau mengembalikan apa-apa jua kepada orang yang kepadanya benda itu tetap telah diserahkan atau dikembalikan kalau tidak kerana penahanannya di bawah Akta ini.

Halangan kepada prosiding undang-undang.

25. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh meliputi hasil penerbitan atau membuat apa-apa dokumen atau majalah berkala oleh atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun.

Pengecualian.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana orang, mesin cetak atau hasil penerbitan dari pemakaian semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

26. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan maksud-maksud Akta ini.

Kaedah-kaedah.

(2) Tanpa menyentuh keluasan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan mengenai—

- (a) jenis dan bentuk mana-mana dokumen yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini;
- (b) butir-butir yang hendak diberikan semasa membuat permohonan untuk suatu lesen atau permit dan caranya menyenggarakan rekod;
- (c) prosedur memindahkan lesen dan permit;

- (d) prosedur memohon lesen atau permit, fee untuk lesen atau permit dan syarat-syarat yang dikenakan kepada lesen atau permit, pembayaran deposit apabila dikeluarkan lesen atau permit dan hal-hal keadaannya deposit itu boleh dilucuthak;
- (e) amaunnya deposit yang dikehendaki dibuat di bawah perenggan (d) subseksyen (2) seksyen 7 atau seksyen 10 dan caranya membuat perlucuthakan atau pembayaran dari deposit itu sebagai ganti rugi; dan
- (f) prosedur membuat dan mendengar rayuan.

Pemansuhan. 27. Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan
 Akta 58. Penerbitan Diimport 1958 adalah dimansuhkan.
 Akta 63.

JADUAL I

(subseksyen (2) seksyen 3)

Ceparas, Litografi, Gravur, Intaglio atau apa-apa proses percetakan lain yang boleh mencetak dengan kadar 1,000 teraan sejam atau lebih.

JADUAL II

(subseksyen (2) seksyen 4)

Kanun Keseksaan

Seksyen 255 ...	Melancung cap Kerajaan.
Seksyen 292 ...	Menjual dsb. buku lucah, dsb.
Seksyen 298A ...	Menyebabkan dsb. ketidakharmonian, perpecahan atau perasaan benci, marah, niat jahat atau memudaratkan dsb. pengekalahan keharmonian atau perpaduan atas alasan agama.
Seksyen 464 ...	Membuat dokumen palsu.
Seksyen 466 ...	Pemalsuan rekod mahkamah, atau Daftar Beranak, dsb. awam.
Seksyen 467 ...	Pemalsuan cagaran berharga atau wasiat.
Seksyen 468 ...	Pemalsuan bagi maksud menipu.
Seksyen 469 ...	Pemalsuan bagi maksud merosakkan reputasi mana-mana orang.
Seksyen 489A ...	Memalsu atau melancung wang kertas matawang atau wang kertas bank.
Seksyen 499 ...	Fitnah.
Seksyen 501 ...	Mencetak atau mengukir perkara yang diketahui memfitnahkan.

Akta Asutan 1948

Seksyen 4 (1) (c) Mencetak apa-apa penerbitan menghasut.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Seksyen 24 ... Mencetak dokumen tegahan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan pengeluaran, pengimportan dan pembahagian penerbitan. Ia bertujuan untuk menyatukan peruntukan-peruntukan Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan Diimport 1958.

2. *Fasal 2* ialah seksyen mengenai pentakrifan. Khususnya takrif “akhbar” dan “hasil penerbitan” patutlah diambil perhatian. *Fasal 3* bertujuan mewajibkan mana-mana orang yang menggunakan atau menyimpan untuk menggunakan mesin cetak dari mendapatkan lesen. Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan mesin cetak boleh dilucuthak. Beban membuktikan bahawa sesuatu mesin cetak yang didapati berada dalam mana-mana premis yang tidak dimiliki oleh penduduk atau orang yang menguruskan premis itu adalah terletak padanya.

3. *Fasal 4* bertujuan membuat peruntukan akan kesalahan berhubungan dengan mesin cetak yang sedang digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang dan juga perlucuthakan mesin cetak atau mesin walaupun tidak seorompok disabitkan atas sesuatu kesalahan. *Fasal 5* bertujuan mewajibkan seseorang yang hendak mencetak akhbar supaya mendapatkan permit. Ia juga bertujuan menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang mengimport, mengedar, menjual atau mengelilingi akhbar terbitan di Singapura melainkan jika suatu permit dikeluarkan mengenai akhbar itu dan membuat peruntukan mengenai hukuman sekiranya berlaku pelanggaran terhadap seksyen ini.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi atau membatalkan permit. Sebelum sesuatu permit diberi berkenaan dengan akhbar terbitan di Singapura, Menteri mungkin menghendaki supaya seorang agen dilantik di Malaysia. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri supaya melarang pengimportan dan pengedaran apa-apa hasil penerbitan jika dia fikirkan bahawa ianya bertentangan dengan mana-mana alasan yang dinyatakan dalam fasal tersebut untuk berbuat demikian. Larangan itu mungkin mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan kepadanya. Syarat-syarat itu boleh memasukkan kehendak untuk membuat deposit yang boleh dilucutkan sekiranya Akta, kaedah-kaedah, mana-mana undang-undang lain atau apa-apa syarat kepada permit itu dilanggari. Deposit itu boleh juga diperintahkan supaya dibayar kepada mana-mana orang yang telah mendapat penghakiman terhadap penerbit kerana apa-apa jua yang diterbitkan dalam hasil penerbitan itu. Cara membuat deposit dan perlucuthakan hendaklah dikawali oleh kaedah-kaedah di bawah *fasal 26*.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk menetapkan kesalahan kerana mengimport, mencetak, dsb. apa-apa penerbitan tegahan. *Fasal 9* bertujuan memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kanan berkuasa untuk menyita mana-mana hasil penerbitan yang dia berpuas hati mungkin memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, dsb. *Fasal 10* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri mewajibkan deposit dibuat sebelum suatu lesen atau permit boleh diberikan. *Fasal 11* bertujuan mewajibkan semua dokumen yang dicetak dan diterbitkan supaya mempunyai nama dan alamat pencetak dan penerbitnya.

6. *Fasal 12* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan syarat-syarat pada mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan dan untuk membatalkan atau menggantungkannya. *Fasal 13* bertujuan menyekat pemindahan sesuatu lesen atau permit dan juga membuat peruntukan bahawa jika lesen atau permit habis tempohnya maka lesen atau permit yang baharu boleh dikeluarkan atas permohonan. *Fasal 14* dan *15* bertujuan membuat peruntukan mengenai anggapan. *Fasal 16* bertujuan membuat peruntukan mengenai pengeluaran waran geledah oleh Magistret.

7. *Fasal 17* dan *18* bertujuan memberi kuasa kepada mana-mana pegawai berkuasa untuk membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan atau artikel yang disyaki mengandungi hasil penerbitan tegahan supaya menyita dan menahan mana-mana mesin cetak, hasil penerbitan atau apa-apa benda lain yang disyaki menjadi bukti terhadap apa-apa jua kesalahan di bawah Akta. *Fasal 19* bertujuan menyebabkan segala benda yang disita boleh dikenakan lucuthak dan fasal itu juga membuat peruntukan mengenai pelupusannya. *Fasal 20* bertujuan memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menangkap mana-mana orang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta. *Fasal 21* bertujuan membuat peruntukan supaya perbadanan dan firma boleh bertindak melalui pengarah, setiausaha atau pekongsi.

8. *Fasal 22* bertujuan mengenakan tanggungan ke atas pengarah, pengurus, dsb. sesuatu syarikat atas perbuatan yang dilakukan oleh syarikat mereka melainkan jika mereka dapat membuktikan bahawa mereka tidak sedar akan perbuatan itu dan bahawa mereka telah mengambil tindakan yang perlu untuk mencegah berlakunya perbuatan itu. *Fasal 23* bertujuan membuat peruntukan mengenai penyampaian notis, dsb. *Fasal 24* bertujuan menghalang prosiding undang-undang kerana perbuatan-perbuatan yang dilakukan secara *bona fide* di bawah Akta. *Fasal 25* bertujuan membuat peruntukan mengenai pengecualian bagi hasil penerbitan kerajaan dari pemakaian Akta. *Fasal 26* bertujuan membuat peruntukan mengenai kaedah-kaedah yang boleh dibuat oleh Menteri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1250; PN (SBKA) 71.]